

17 JUL 1999

KAMARUDDIN BERCADANG JADI ANGGOTA PARTI ALTERNATIF

PENGKALAN KUBOR, 17 Julai (Bernama) -- Bekas Ketua Umno bahagian Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar yang dipecat dari Umno, membayangkan untuk menyertai satu daripada parti alternatif bagi meneruskan perjuangan politiknya.

Beliau berkata, tidak ada masalah baginya untuk memilih mana-mana parti alternatif yang kini terdiri daripada PAS, Parti Keadilan Nasional (Keadilan), DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

"Saya akan umumkan dalam tempoh terdekat ini parti mana yang akan saya anggotai," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Pada 5 Julai lepas, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil keputusan memecat Kamaruddin bersama-sama lapan lagi anggota Umno kerana terbabit membantu dan menyertai parti pembangkang.

Kamaruddin, rakan rapat bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, juga merupakan Pengerusi Institut Kajian Dasar (IKD) dan bekas setiausaha agung Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

-- BERNAMA

BD AKD